



Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur buka tirai

BH 24/4/14 MS4

» Sedia Ruang Dunia Komik dan Novel, Hentian Rehat dan Baca untuk pengunjung

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bh.com.my

Jika tahun lalu, PBAKL menyaksikan 1.5 juta pengunjung memenuhi PWTC, PBAKL 2014 yang bermula hari ini sehingga 4 Mei, menyasarkan 1.7 juta pengunjung.

Angka berdasarkan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM), tidak mustahil dicapai berdasarkan sambutan menggalakkan yang diterima PBAKL setiap tahun.

Prestij PBAKL sebagai pesta buku terbesar dan terunggul bukan saja di negara ini, bahkan di rantau Asia Tenggara menyaksikannya tercatat dalam *Malaysia Book of Records*.

melakukan Jelajah PBAKL dengan kerjasama Bank Simpanan Nasional (BSN) yang bermula 11 April lalu di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Pontian dan dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan.

Konsep dan susun atur pempamer juga diberi sentuhan baharu apabila PBAKL memperkenalkan ruang Dunia Komik dan Novel yang ditempatkan di Dewan Merdeka, PWTC.

Di ruang ini, pengunjung boleh mendapatkan himpunan novel terkini dan laris di pasaran daripada 104 gerai di bawah satu bumbung tanpa perlu bersesak-sesak un-

Hentian Rehat dan Baca

Satu lagi pembaharuan pada tahun ini, ialah Hentian Rehat dan Baca (R&B PBAKL) yang disediakan di aras 4, iaitu bersebelahan Dewan Merdeka.

Ruang ini memberi peluang kepada pengunjung untuk berehat dan bersantai sambil membaca buku termasuk di Sudut Membaca yang bahan bacaan disediakan oleh Perbadanan Kota Buku (PKB), selain mengikuti program yang disusun.

Pengunjung juga boleh mendapatkan pelbagai pilihan buku yang boleh ditemui di Legar Putra, Dewan Tun Hussein Onn, Dewan Tun Dr Ismail dan Dewan Tun

Tanggapan warga Malaysia kurang membaca perlu diperbetulkan jika melihat kepada sambutan yang diterima pada Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) yang kini masuk kali ke-33 penganjurannya.

PBAKL bukan saja acara tahunan yang menyaksikan jutaan pengunjung menyerbu Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, tetapi sudah menjadi ikon dan nadi dunia penerbitan serta perbukuan di negara ini.

Disertai penerbit antarabangsa

Tidak hairanlah, 31 daripada 241 pemamer yang menyertai PBAKL ialah penerbit luar negara seperti Singapura, Indonesia, Brunei Darussalam, Kuwait, India, Australia, Iran, Syria, Lubnan, United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (AS), manakala Arab Saudi menjadi negara tamu PBAKL.

Pada tahun ini, PBAKL melakukan penambahbaikan apabila kali pertama PBAKL berkongsi kemeriahan dengan

duk meredah dari satu tempat ke satu tempat untuk mencari novel pelbagai syarikat penerbitan.

Bagi peminat komik pula, mereka berpeluang menerokai pengalaman menghasilkan komik yang bakal dikongsikan oleh pelukis dan penerbit komik tanah air.

Razak 3 dan 4, selain Bilik Mawar, Bilik Johor-Kedah, Bilik Kelantan, Bilik Melaka, Bilik Pulau Pinang, Bilik Perlis serta Bilik Perak.

PBAKL yang dianjurkan MBKM di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia, turut mendapat kerjasama Persatuan Pengeksport dan Pengimport Buku Malaysia (MBEIA), Persatuan Penjual Buku Malaysia (MBA), Persatuan Kontraktor Buku Malaysia (PKBM), Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA), Persatuan Penerbit dan Pengedar Buku Bumiputera Malaysia (PPPBBM) dan Majlis Penerbitan Iilmiah Malaysia (MAPIM).



Sesi Sofa Putih ITBM bakal menjadi antara tarikan pada Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2014.

[FOTO KAMARUL IZZAT | BH]



Wawancara
SOFA PUTIH
Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2014

Suntikan intelektual, kemeriahan PBAKL 2014

» Sofa Putih, diskusi karya, pelancaran naskhah mutakhir bakal meriahkan program BH 24/4/14 MSS.

INFO

24 April

11 pagi: Diskusi Novel Sejarah Abdul Latip Talib (Pavilion PTS)

1 tengah hari: Sofa Putih: Kaitan Sastera dengan Masyarakat: Bagaimana Menghubungkan Malaysia dan Indonesia (Gerai ITBM)

2 petang: Diskusi Novel Sejarah Abdul Latip Talib (Pavilion PTS)

25 April

11 pagi: Diskusi buku agama Fatimah Syarha (Pavilion PTS)

4 petang: Sofa Putih: Hadiah dan Anugerah: Sejauh Mana Ia Mampu Melahirkan Pelapis Penulis Mapan (Gerai ITBM)

4 petang: Diskusi buku agama (Pavilion PTS)

26 April

11 pagi: 1 hari 1 Resipi, Chef Hanieli-zā (Pentas Aktiviti, Dewan Merdeka)

11 pagi: Pelancaran Buku Sunan karya Ramlee Awang Murshid oleh M Nasir (Pentas Utama PWTC)

11 pagi: Menu Sihat Inspirasi Rasulullah, Chef Sabri (Pavilion PTS)

1 tengah hari: Sofa Putih: Cabaran Menyalurkan Peradaban Malaysia kepada Dunia Melalui Agenda Terje-

4 petang: Majlis Pelancaran 3 Buku Kompilasi Eksklusif Terbaharu Popular (Pentas Utama PWTC)

27 April

11 pagi: Wanita Berkerjaya; Realistik atau pun tidak? (Pentas Utama)

11 pagi: Diskusi buku kekeluargaan (Pavilion PTS)

12 tengah hari: Young Aishah (Pavilion PTS)

1 tengah hari: Sofa Putih: Citra Sastera Borneo: Perlukah Bereksperimen untuk Bersaing dalam Dunia Sastera Serantau? (Gerai ITBM)

2 petang: Fiqh Hiburan (Pentas Aktiviti Dewan Merdeka)

4 petang: Ramah Mesra Bersama Chef Selebriti, Datuk Chef Wan (Pentas Aktiviti, Dewan Merdeka)

5 petang: Siri Kali Pertama ke Sekolah (Pavilion PTS)

28 April

11 Pagi: Diskusi buku Dr Robiah K Hamzah (Pavilion PTS)

2 petang: Diskusi buku Umi Danial (Pavilion PTS)

2 petang: Sofa Putih: Puisi Lama, Puisi Baharu: Mencipta 'Keanehan' Tanpa Batasan (Gerai ITBM)

Penataran buku dan sastera bakal memeriahkan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2014 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur yang berlangsung bermula hari ini hingga 4 Mei ini.

Program bual bicara mengenai isu industri buku dan sastera, Sofa Putih anjuran Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) turut kembali menyuntik pengisian intelektual pada pesta buku antarabangsa kali ke-33 itu. Sofa Putih itu bakal menyerot persoalan yang menjadi cabaran dalam industri buku dan dunia sastera seperti hubungan Malaysia-Indonesia, anugerah sastera, penterjemahan,

kepenyairan baharu, pengedaran wanita, kewartawanan, karya dan budaya popular.

Merancang industri buku tempatan

Program itu bakal memberikan daya tarikan kepada PBAKL 2014 bukan saja sebagai lokasi 'buruan' buku, bahkan pentas perkongsian ilmu yang dapat menjadi landasan ke arah merancang kan industri buku tanah air.

Selain Sofa Putih, ITBM juga akan melancarkan buku terbitan baharu seperti *Jatuh Ke Laut Menjadi Pulau: Sajak-sajak Lengkap Muhammad Hj Salleh* dan *Antologi Cerpén Malaysia-Taiwan*.

Sementara itu, Dewan Bahasa dan

Pustaka (DBP) juga akan melancarkan karya terbitan mutakhir seperti *Tafsir Maudhu'iy dan Pengkarya Guru*, selain novel perubatan.

Rangkaian kedai buku gergasi, Popular Book Co Sdn Bhd (POPULAR) turut memberi peluang kepada pengunjung beramah mesra dengan penulis naskhah eksklusif Popular, termasuk Datuk Chef Wan yang tampil dengan *400 Resipi Terbaik Chef Wan, Meraikan Kegemilangan 40 tahun Pengalaman Kulinari* dan Chef Hanaliza (*101 Resipi Menggunakan Pemanggang Ajaib*).

PTS Media Group Sdn Bhd juga tidak ketinggalan menampilkan diskusi buku daripada tema keluarga dan agama hinggalah novel sejarah, kanak-kanak serta komik.

mahan (Gerai ITBM)

1 tengah hari: Pelancaran Buku Resipi Pemanggang Ajaib Chef Hanieliza (Pentas Utama Dewan Merdeka)

2 petang: Majlis Pelancaran Buku Jatuh Ke Laut Menjadi Pulau: Sajak-sajak Lengkap Muhammad Hj Salleh (Gerai ITBM)

2 petang: Buku Resipi Chef Fazalina dan Chef Norzailina (Pavilion PTS)

3 petang: Ramah Mesra Bersama Novelis Jemari Seni (Pentas Aktiviti, Dewan Merdeka)

2 petang: Majlis Pelancaran Pengkarya Guru (Pentas Utama PWTC)

29 April

11 pagi: Tak kenal, maka tak cinta (Pavilion PTS)

1 tengah hari: Sofa Putih: Benarkah Ekspresi Watak Wanita dalam Novel Lebih Menghampiri Realiti Apabila dihasilkan Penulis Wanita (Gerai ITBM)

2 petang: Siri komik (Pavilion PTS)

5 petang: Siri komik Safee Sali (Pavilion PTS)

Menetap landasan ke arah Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia

Oleh Nazmi Yaakub
nazmi@bh.com.my

Ketika membuat liputan Majlis Penyampaian Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write) di Bangkok, pada tahun 2012, ibu negara Thailand itu dalam proses persiapan untuk menjadi Ibu Kota Buku Dunia 2013. Anugerah itu diberikan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) yang dipilih daripada senarai calon ibu kota dari seluruh dunia.

Pemilihan Ibu Kota Buku Dunia tidak menjanjikan hadiah wang, sebaliknya bakal mendapat pengiktirafan secara eksklusif terhadap program buku dan budaya membaca berdasarkan penilaian yang mengambil kira usaha mempromosi buku dan penerapan

budaya membaca sepanjang Hari Buku dan Hak Cipta Dunia, iaitu 23 April hingga 23 April tahun berikutnya.

Bertemakan Bangkok, *Read For Life*, usaha mempromosi dilakukan oleh Pentadbiran Metropolitan Bangkok (BMA) dengan kerjasama Kumpulan Membaca Bangkok, selain pelbagai institusi yang berkait rapat dengan budaya membaca dan industri buku.

Celik huruf tinggi

Kadar celik huruf dewasa yang membabitkan usia rakyat 15 tahun ke atas di Thailand pada tahun 2012 ialah 93.5 peratus, manakala kadar yang lebih makro untuk golongan belia (15 hingga 24 tahun) lebih tinggi, iaitu 98.2 peratus untuk lelaki dan 97.9 (wanita).

Bandingkan dengan statistik Tabung Kecemasan Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu (UNICEF) di Malaysia, iaitu celik huruf dewasa sebanyak 93.1 peratus; belia lelaki (98.4) dan belia wanita (98.5).

Pada dasarnya, landasan antara Malaysia dengan Thailand berada pada padang yang rata sehingga tidak ada sebabnya Kuala Lumpur tidak berupaya untuk 'melobi' penganugerahan itu.

Bagaimanapun, sudah tentu usaha untuk merealisasikan hal itu tidak cukup dengan kadar literasi yang tinggi, sebaliknya bentuk dan mutu pembacaan serta program penataran yang berkaitan dengan buku yang benar-benar bermakna.

Pengisian intelektual

Sekiranya Perbadanan Kota Buku (PKB) masih mencari-cari landasan yang jelas, barangkali boleh mengambil cabaran bukan saja meme-

riahkan Kuala Lumpur dengan kempen dan aktiviti membaca, bahkan mengisi kepesatan pembangunannya secara intelektual termasuk wacana.

Dengan sekian banyaknya institusi dan pesatnya industri buku, PKB boleh mengambil tanggungjawab sebagai koordinator yang menghubungkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), selain pemain industri buku sama ada penerbit, persatuan atau kumpulan pembaca yang bergerak secara sukarela.

Lalu, apakah landasan awal yang lebih baik untuk kita bermula, selain daripada Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2014 yang kebetulan bermula hari ini, iaitu selepas kita menyambut Hari Buku dan Hak Cipta Dunia semalam?

